

SABDA NABI MUHAMMAD SAW DALAM *SULALAT US-SALATIN*

(Sayings of Prophet Muhammad in Sulalat Us-Salatin)

Abdur-Rahman Mohamed Amin
urrahman_amin@petronas.com.my

Jabatan Pengurusan dan Kemanusiaan,
Universiti Teknologi PETRONAS,
Bandar Seri Iskandar, 31750 Tronoh, Perak, MALAYSIA
Tel.: 05-368 7774.

Abstrak

Sulalat us-Salatin merupakan salah satu adikarya dunia Melayu yang menceritakan asal usul ketamadunan Melayu Melaka serta salasilah Kesultanan Melayu Melaka. Kajian ini telah dijalankan untuk menganalisis hadis Nabi Muhammad SAW yang tercatat dalam karya ini kesan daripada kemasukan Islam ke rantau Asia Tenggara. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif yang menganalisis hadis daripada manuskrip *Sulalat us-Salatin* berdasarkan konteks penggunaannya pada zaman itu. Kekuatan hadis tersebut turut dinilai mengikut tahap kesahihannya. Hasilnya, hanya dua daripada empat hadis yang dicatatkan merupakan hadis sahih, satu daripadanya hadis yang lemah dan satu lagi bukan hadis yang bersumberkan daripada Nabi Muhammad SAW. Penggunaan hadis yang sahih dalam *Sulalat us-Salatin* membuktikan bahawa kewujudan pengaruh agama Islam yang kuat terhadap dunia kepengarangan alam Melayu meskipun dalam karya sastera sejarah.

Kata Kunci: *Sulalat us-Salatin*, hadis, *Sejarah Melayu*, Islam, alam Melayu

Abstract

Sulalat us-Salatin is one of the most important literary sources about the origins of Malay civilization and the geneology of the Malay kings. The objective of this study was to analyse the sayings of Prophet Muhammad as quoted in this book. This study used a qualitative method whereby all of the sayings were critically analysed using content analysis, and the authenticity of the sayings was also evaluated. As a result, only two out of four quotations are considered to be authentic sayings of Prophet Muhammad. This study shows that Islam has strongly influenced Malay writing traditions even where historical literature is concerned.

Keywords: Sulalat us-Salatin, *hadith*, Sejarah Melayu, Islam, *Malay Archipelago*

PENGENALAN

Sulalat us-Salatin atau lebih dikenali dengan nama *Sejarah Melayu* merupakan sebuah karya agung yang mencatatkan sejarah salasilah Kesultanan Melayu Melaka pada zaman permulaan dan kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka pada abad ke-15. Karya ini amat penting sebagai salah satu sumber sejarah bertulis tentang sejarah Kesultanan Melayu Melaka yang juga merupakan sebuah empayar Islam yang hebat di rantau Asia Tenggara pada ketika itu.

Kedudukan Melaka sebagai sebuah pusat perkembangan agama Islam di rantau Asia Tenggara pada abad ke-15 telah mendapat perhatian banyak pengkaji sejarah. Kemasukan Islam telah membantu Melaka menjadi pusat pendidikan agama Islam dengan kehadiran ramai para alim ulama dan penghasilan serta penterjemahan kitab-kitab yang ditulis menggunakan tulisan Jawi. Perbincangan tentang masalah berkaitan akidah seperti persoalan penghuni syurga dan neraka serta kedudukan Allah SWT sebagai pemberi rezeki sejak azali telah hangat diperbincangkan di dalam istana dan menjadi isu penting apabila masalah ini turut dikirimkan untuk dibincangkan oleh Kerajaan Pasai (Mahayuddin, 2001:115). Tidak sekadar ilmu akidah, ilmu berkaitan tasawuf juga turut berkembang dengan kemasukan kitab *Dur Manzum* di bumi Melaka. Kemasukan pelbagai ilmu Islam ini membuktikan bahawa masyarakat Islam di bumi Melaka terutamanya para pemerintah yang berada di istana dan juga para alim ulama telah mencapai tahap pendidikan yang tinggi dalam bidang agama berdasarkan tajuk perbincangan dan kitab-kitab yang diajarkan pada masa itu.

Suasana keilmuan yang berlaku di Melaka pada abad ke-15 ini telah direkodkan secara jelas dalam manuskrip bertajuk *Sejarah Melayu*. Tajuk asalnya, iaitu *Sulalat us-Salatin* merupakan gabungan dua patah perkataan bahasa Arab, iaitu *sulalah* yang bermaksud rangkaian atau rantaian dan *al-salatin*, iaitu perkataan jamak untuk al-sultan yang bermaksud orang-orang yang berkuasa ataupun pemerintah (Ibn Manzur, 1990). Oleh itu, perkataan *Sulalat us-Salatin* membawa maksud “rantaian salasilah sultan-sultan yang memerintah”. Pengarang karya ini telah menterjemahkan tajuk asalnya sebagai “petuturan segala raja-raja” (A. Samad, 2010:3). Namun demikian, para orientalis, seperti Blagden (1925), Winstedt (1938), Roolvink (1967), Brown (1970) dan Shellabear (1977) lebih gemar untuk merujuk karya ini sebagai *Malay Annals* (*Sejarah Melayu*) dalam bahasa Inggeris berbanding nama asalnya, iaitu *Sulalat us-Salatin*. Menariknya, penggunaan bahasa Arab pada tajuk karya ini

membuktikan betapa kuatnya pengaruh Islam dan bahasa Arab terhadap dunia persuratan Melayu pada waktu itu.

Terdapat banyak kajian telah dibuat tentang asal usul manuskrip ini termasuklah perbincangan tentang persoalan pengarang beserta tahun manuskrip ini dikarang. Menurut Winstedt, pengarang asal karya ini sudah pasti merupakan seseorang yang berada di Melaka ketika Portugis yang diketuai oleh Alfonso d'Albuquerque menawaninya pada tahun 1511. Menurut beliau lagi, kemungkinan pengarangnya berdarah kacukan Melayu, dan sudah pasti beliau mengetahui secara mendalam tentang hal ehwal dalaman yang berlaku di istana sultan Melaka sebelum kejatuhan empayar Melaka (Winstedt, 1938:30). Tambahan pula, berdasarkan kajian terhadap manuskrip Raffles MS. 18, Winstedt mengandaikan bahawa pengarangnya telah meninggal dunia selepas tahun 1535 memandangkan tiada lagi cerita-cerita sejarah yang dipaparkan selepas tahun tersebut. Beliau juga berpendapat bahawa Tun Bambang ialah penulis sebenar karya ini dan bukannya Tun Seri Lanang (Winstedt, 1938:36). Hujah ini disokong pula oleh Abdul Rahman Ismail yang menggunakan mukadimah *Sulalat us-Salatin* naskhah Raja Bungsu untuk menyokong Tun Bambang sebagai penulis sebenar karya ini (Abdul Rahman, 2010b:15). Walau bagaimanapun, adalah sukar untuk menafikan kedudukan Tun Seri Lanang sebagai penyelenggara terawal yang telah menyempurnakan salinan *Sulalat us-Salatin* versi 1612 berdasarkan kewujudan namanya dalam sebahagian besar salinan manuskrip karya ini (Thilagavathi, 1999:106-07). Menurut A. Samad Ahmad lagi, Tun Bambang bukanlah penulis sebenar dan beliau hanyalah seorang pegawai istana yang menjalankan tugas untuk menyampaikan titah perintah daripada Raja Abdullah agar dituliskan sebuah hikayat kepada Tun Seri Lanang (A. Samad, 2010b:330). Ternyata, nama-nama seperti Tun Bambang dan Tun Seri Lanang yang berasal daripada Kesultanan Johor merupakan penyelenggara atau penyalin karya ini. Persoalan tentang pengarang sebenar yang menghasilkan karya ini masih menjadi tanda tanya kerana sudah pasti karya ini dihasilkan oleh seseorang yang benar-benar melalui peristiwa yang berlaku pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Antara faktor yang menyumbang kepada masalah penentuan pengarang sebenar karya ini adalah kerana bilangan salinan manuskrip yang pelbagai versi dan salinannya yang amat banyak sehingga menjangkau 32 salinan (Cheah, 2010:vii). Kesemua salinan manuskrip ini tersimpan di beberapa perpustakaan utama seperti di kota London, Belanda, Jakarta dan Rusia. Roolvink telah mencatatkan bahawa 28 manuskrip *Sulalat us-Salatin* yang dikajinya merupakan salinan daripada teks asal bertarikh seawal abad ke-19 (Roolvink, 1967). Namun, dalam analisis beliau tentang versi *Sulalat us-Salatin* pada 1981, beliau menyimpulkan bahawa naskhah yang asli merupakan naskhah yang dirujuk sebagai Raffles No. 18, sementara naskhah

Sejarah Melayu yang dirumikan oleh A. Samad Ahmad ialah saduran daripada teks asli (Roolvink, 1981:34). Revunenkova pula mendakwa bahawa naskhah manuskrip *Sulalat us-Salatin* yang berada di Rusia pula merupakan salinan tertua yang telah ditulis pada tahun 1798 di Melaka. Kemudiannya manuskrip ini telah dibawa ke Rusia melalui kelasi kapal yang bernama Krusenstern yang sedang dalam perjalanan dari India Timur ke China (Revunenkova, 2006:59). Daripada 29 manuskrip tersebut, 12 naskhah berada di Netherlands, 11 naskhah berada di United Kingdom, lima naskhah berada di Lembaga Kebudayaan Indonesia Jakarta dan senaskhah lagi berada di Leningrad, Rusia (Muhammad Yusoff, 1998:2).

Kepentingan karya ini terhadap dunia Melayu-Islam sememangnya tidak dapat dinafikan. Karya ini amat penting sebagai salah satu sumber bertulis tentang kesusasteraan, bahasa, sejarah, politik, geografi dan budaya yang berlaku pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Mitos yang ditonjolkan dalam karya ini bukan hanya sekadar dogma untuk menonjolkan kekuasaan seseorang pemerintah, namun sebenarnya turut menyelitkan kebenaran fakta yang tersirat di sebalik sesebuah kisah (Kratz, 2000:25; Hussain, 2008). Kajian terhadap tatabahasa dan kesusasteraan telah banyak dilakukan (Arockiamary, 1992; Kyong, 1995), begitu juga dengan sejarah, politik dan pertembungan budaya yang berlaku pada waktu itu (Muhammad Yusoff, 1992; Rajantheran, 1999; Chambert-Loir, 2005; Nor Hashimah, 2008).

Namun demikian, meskipun dianggap sebagai karya Melayu terawal yang dipengaruhi oleh unsur keislaman oleh Braginsky (1993:23), tidak banyak kajian susulan yang telah dilakukan terhadap unsur keislaman yang wujud di dalamnya. Terdapat kajian yang mengkaji penggunaan ayat al-Quran (Abdur-Rahman, Mohd Ridhuan, Raja Ahmad, 2011), tetapi belum ada kajian yang terperinci tentang kewujudan hadis di dalamnya. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengkaji salah satu elemen keislaman yang penting, iaitu tentang penggunaan hadis Nabi Muhammad SAW dalam karya ini terutamanya dari segi konteks kefahaman masyarakat Islam pada zaman itu terhadap hadis tersebut. Kajian ini penting untuk menilai hadis yang masyhur digunakan pada masa itu serta mengukur tahap kefahaman pengarang Melayu pada masa itu terhadap hadis tersebut.

HADIS SEBAGAI SUMBER ILMU ISLAM

Perkataan hadis menurut definisi ulama hadis membawa maksud segala perkara yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW sama ada berbentuk perkataan, perbuatan dan *taqrir* ataupun ikrar baginda terhadap perlakuan yang dilakukan oleh sahabat baginda. Dalam hadis turut termasuk sifat fizikal baginda, akhlak dan sejarah

hidup baginda sama ada sebelum ataupun selepas dilantik menjadi rasul (Muhammad ‘Ajjaj, 1997).

Hadis merupakan sumber kedua terpenting sebagai rujukan bagi umat Islam selepas al-Quran. Oleh sebab kedudukannya yang sangat penting ini, hadis telah dihafal serta dicatatkan oleh para sahabat baginda sejak mereka masih berada bersama-sama baginda lagi dan seterusnya dibukukan pada zaman pembukuan hadis, lalu terhasillah karya-karya seperti *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan al-Tirmizi*, *Sunan Abu Dawud*, *Sunan al-Nasa’i*, *Sunan Ibn Majah*, *Muwatta’ Malik*, *Musnad Imam Ahmad bin Hanbal* dan lain-lain lagi.

Secara umumnya, hadis dapat dibahagikan kepada tiga kumpulan berdasarkan nilai kekuatannya, iaitu sahih, hasan dan daif. Para ulama seperti Imam al-Suyuti menyatakan bahawa hadis sahih mempunyai lima syarat minimum, iaitu sanad hadis tersebut mestilah bersambung daripada perawi yang terakhir sehinggalah kepada Rasulullah SAW, perawinya mestilah seorang yang adil menurut tafsiran syariat Islam dan kuat ingatannya terhadap hadis-hadis yang telah dipelajari. Hadis tersebut juga mestilah tidak terdapat sebarang kecacatan pada matannya dan juga tidak ganjil sehingga berlawanan dengan hukum syarak yang sudah jelas kedudukannya (al-Suyuti, 1417H: 61-62).

Apabila Islam sampai ke dunia Melayu, maka sudah pastinya hadis masuk bersama-sama dengan ilmu yang berkaitan dengan Islam seperti ilmu akidah, tasawuf, dan fiqah. Kewujudan hadis Nabi Muhammad SAW dalam *Sulalat us-Salatin* bukanlah sesuatu yang ganjil kerana kedudukan Melaka pada masa itu yang merupakan pusat pengajian pelbagai bidang ilmu Islam. Oleh sebab pengaruh Islam yang amat kuat, sudah pastilah elemen karya Islam seperti hadis nabi akan wujud dalam karya seperti ini.

KONSEP WASIAT DALAM ISLAM

Terdapat empat buah hadis yang telah dikenal pasti berdasarkan teks *Sejarah Melayu* yang telah dirumikan oleh Abdul Rahman Haji Ismail. Daripada jumlah itu, sebanyak tiga buah hadis telah dituturkan oleh sultan-sultan yang memerintah sebelum kemangkatan mereka sebagai sebahagian daripada wasiat mereka. Oleh itu, konsep wasiat daripada sultan telah lama wujud dalam sejarah ketamadunan Melayu. Namun, konsep wasiat dalam ketamadunan Melayu ini perlu difahami berdasarkan konsep wasiat dalam Islam sebagaimana yang tercatat dalam al-Quran dan hadis.

Dalam agama Islam, konsep wasiat yang berbentuk nasihat ini telah menjadi amalan sejak zaman-berzaman. Dari segi bahasa, perkataan wasiat merupakan

perkataan daripada bahasa Arab yang diambil daripada kata kerja *wassa* yang membawa maksud menjanjikan dan perkataan *wasiyyah* pula didefinisikan sebagai pesanan dan juga pemberian oleh seseorang sebelum dia meninggal dunia (Ibn Manzur, 1990).

Dalam al-Quran, perkataan *wassa* dan *wasiyyah* telah wujud dalam beberapa bentuk kata kerja dan kata nama, iaitu *wassakum*, *wassayna*, *awsani*, *yusi*, *tawasaw* dan *tawsiyah*. Oleh itu, penggunaan perkataan ini dalam al-Quran membawa maksud yang berbeza berdasarkan konteks ayat. Perkataan *wasiyyah* lebih banyak dikaitkan dengan pesanan yang ditinggalkan berkaitan harta sebelum meninggal dunia. Firman Allah SWT dalam *Surah al-Baqarah*, ayat 180 bermaksud:

Kamu diwajibkan, apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertaqwa.

(Abdullah, 1998)

Ayat ini telah dimansuhkan hukumnya selepas turun ayat berkaitan *mawarith* ataupun ilmu faraid (al-Qurtubi, 1993). Namun ayat ini menjadi asas kepada perbincangan ulama fiqah berkaitan amalan mewasiatkan harta sebelum kematian. Oleh itu, berdasarkan ayat ini, definisi wasiat menurut ulama fiqah ialah pemberian milik kepada seseorang secara sukarela sama ada berbentuk harta benda ataupun manfaat (Wahbah al-Zuhaili, 1989). Menurut Enakmen Wasiat Orang Islam di Selangor (1999), wasiat ialah “ikrar seseorang yang diperbuat pada masa hayatnya ke atas hartanya atau manfaat untuk menyempurnakan sesuatu bagi maksud kebajikan atau apa-apa maksud yang dibenarkan menurut hukum syarak, selepas dia mati”.

Walau bagaimanapun, wasiat tidak semestinya dilakukan dengan menggunakan harta benda. Dalam al-Quran *Surah al-Baqarah* ayat 132, Allah SWT berfirman dengan maksud:

Dan Nabi Ibrahim pun berwasiat dengan agama itu kepada anak-anaknya, dan (demikian juga Nabi) Ya'kub (berwasiat kepada anak-anaknya) katanya: “Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama (Islam) ini menjadi ikutan kamu, maka janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Islam.

(Abdullah, 1998)

Dalam ayat tersebut penggunaan perkataan *wassa* telah menunjukkan bahawa Nabi Ibrahim telah berwasiat kepada anak-anaknya, namun wasiat ini bukanlah wasiat dalam bentuk harta benda, tetapi dalam bentuk nasihat dan peringatan yang sangat penting, iaitu hendaklah kamu sentiasa berada dalam agama Islam dan janganlah kamu keluar daripadanya (al-Qurtubi, 1993). Konsep wasiat inilah yang ditunjukkan dalam karya *Sulalat us-Salatin* apabila sultan yang sudah gering berwasiat kepada bakal pengganti mereka. Kandungan wasiat daripada sultan Melaka yang mengandungi nasihat bersulamkan petikan ayat al-Quran dan hadis menjadi pesanan penting sebagai peringatan kepada generasi yang akan datang. Antara sultan yang pernah dicatatkan memberikan wasiat dan pesanan sebelum kemangkatan mereka dalam *Sulalat us-Salatin* ialah Sultan Mansur Shah dan Sultan Alauddin Riayat Shah.

HADIS DALAM *SULALAT US-SALATIN*

Oleh sebab karya *Sulalat us-Salatin* merupakan karya klasik yang terpenting bagi dunia Melayu, penerbitan dan penyelenggaraannya telah bermula pada zaman Munsyi Abdullah lagi (Situmorang, 1952) dan telah diteruskan oleh Shellabear (1977), A. Samad Ahmad (2010), Muhammad Haji Salleh (1997a), Muhammad Yusoff Hashim (1998) dan Abdul Rahman Haji Ismail (2010a) termasuklah beberapa pengkaji lain, seperti Blagden (1925) dan Winstedt (1938), yang menerbitkannya sebagai kajian dalam jurnal.

Berdasarkan kewujudannya dalam pelbagai versi penerbitan, maka versi yang telah dipilih untuk digunakan dalam kajian ini ialah versi yang telah dirumikan oleh Abdul Rahman Haji Ismail. Versi ini masyhur dengan nama Raffles MS No. 18 ataupun telah diberi nama sebagai *Sulalat us-Salatin* Raja Bungsu oleh Abdul Rahman Haji Ismail (Abdul Rahman, 2010b:8). Versi ini telah dipilih kerana perumian yang terkini serta menggunakan manuskrip Raffles MS No. 18 yang dikatakan sebagai naskhah yang tertua menurut Cheah Boon Kheng (2010: vii), Abdul Rahman Haji Ismail (2010b:17), Winstedt (1938) dan Linehan (1947:107).

Berdasarkan kronologi cerita dalam *Sulalat us-Salatin*, empat buah hadis yang terdapat di dalamnya adalah seperti turutan yang berikut:

(1) *Min tawakkal ‘alalLahi kafi*

Hadis ini telah diucapkan oleh Sultan Mansur Syah dalam wasiat baginda kepada anakanda baginda yang bernama Raja Radin yang dimasyhurkan sebagai Sultan Alauddin Ri'ayat Syah. Sultan Mansur Syah bertitah:

Syahadan jikalau datang sesuatu pekerjaanmu, hendaklah engkau sangat-sangat menyerahkan dirimu ke hadirat Allah, karena sabda Nabi: *Min tawakkal 'alalLahi kafi*.

(Abdul Rahman, 2010:196).

Dari segi bahasa Arab, penggunaan perkataan “min” pada awal hadis ini memberikan maksud yang kurang tepat terhadap keseluruhan maksud ayat. “Min” dalam bahasa Melayu bermaksud daripada. Oleh itu, terjemahan hadis ini akan membawa maksud “daripada bertawakal kepada Allah, Allah akan memeliharanya”. Sekiranya dibaca sebagai “man”, terjemahan hadis ini membawa maksud “barang siapa yang bertawakal kepada Allah, Allah akan memeliharanya”. Perkataan “min” dan “man” terdiri daripada kombinasi huruf mim dan nun yang boleh dibaca sama ada “min” atau “man”. Oleh itu, bacaan yang lebih tepat menurut konteks ayat ini ialah “man” yang membawa maksud barang siapa.

Hadis ini telah diriwayatkan oleh Imam Ibn Majah dalam kitabnya, iaitu *Sunan Ibn Majah* di bawah bab “Tawakal dan Yakin”. Terdapat sedikit perbezaan antara lafaz yang digunakan oleh Imam Ibn Majah dengan yang digunakan oleh Sultan Mansur Shah. Lafaz hadis ini telah didahului dengan lafaz hadis yang lain dan pada penghujungnya, Imam Ibn Majah meriwayatkan seperti yang berikut: *Wa man tawakkal 'ala Allah kafahu al-tasha'ub* (Ibn Majah, 1998. Jilid 3, hlm. 489-90). Maksudnya: barang siapa yang bertawakal kepada Allah, nescaya Allah akan mencukupkan segala sesuatu bahagian keperluannya di atas dunia ini. Hadis ini telah dihukumkan sebagai hadis yang lemah oleh al-Albani (al-Albani, 2014:276). Dalam sanad hadis ini terdapat perawi yang meragukan bernama Abu Shu'aib Salih bin Ruzaiq al-'Attar yang dihukumkan sebagai “munkar” (al-Zahabi, 1995. Jilid 3, hlm. 403).

Meskipun hadis ini dihukumkan sebagai lemah berdasarkan rangkaian perawi yang ada pada sanadnya, namun kandungannya tidak bersalahan dengan prinsip hukum Islam. Bahkan, kata-kata ini telah dinukilkan oleh salah seorang ulama tafsir yang bernama Ibn Kathir ketika mentafsirkan sebuah ayat al-Quran daripada *Surah al-Maidah*, ayat 11. Ayat tersebut membawa maksud:

Wahai orang yang beriman! Kenangkanlah nikmat Allah (yang telah dikurniakannya) kepada kamu ketika kaum (kafir yang memusuhi kamu) hendak menghulur tangannya (untuk menyerang kamu), lalu Allah menahan tangan mereka daripada (menyerang) kamu. Oleh itu, bertakwalah kamu kepada Allah, dan kepada Allah jualah (sesudah bertakwa itu) hendaklah orang-orang yang beriman berserah diri.

(Abdullah, 1998)

Ibn Kathir menyatakan : “*Man tawakkal ‘ala Allah kafahu Allah ma ahammahu*” (Ibn Kathir, 2001:443), iaitu barang siapa yang bertawakal kepada Allah SWT, Allah SWT akan mencukupkan keperluan hidup baginya. Bukan setakat itu sahaja, bahkan dia akan dilindungi daripada kejahatan manusia yang mahu menggangukannya. Bertawakal ataupun berserah diri kepada Allah SWT ini hanya dapat dilakukan selepas orang yang beriman itu berusaha untuk melakukan pekerjaan dengan sebaik-baiknya. Bertawakal juga hanya akan dapat dilakukan oleh orang-orang yang beriman, iaitu orang-orang yang benar-benar percaya dan meyakini kekuasaan Allah SWT untuk melindungi mereka daripada sebarang musibah yang boleh menimpa mereka. Inilah konsep tawakal yang ditekankan dalam Islam.

Ketika Sultan Mansur berwasiat kepada anakandanya, beliau mengaitkan pekerjaan dengan konsep menyerahkan diri kepada Allah SWT atau tawakal. Menurut baginda sultan, barang siapa yang menyerahkan dirinya kepada Allah SWT, Allah SWT pasti akan memeliharanya dan membantu untuk menyempurnakan pekerjaan seseorang itu. Konsep ini amat bertepatan dengan konsep tawakal yang telah banyak dinyatakan dalam al-Quran. Hal ini demikian kerana penyerahan kepada Allah SWT hanya berlaku selepas seseorang itu berusaha bersungguh-sungguh untuk menyempurnakan sesuatu perkara. Bertawakal kepada Allah SWT juga berkait rapat dengan ketinggian kepercayaan atau keimanan seseorang itu kepada Allah SWT sebagai pelindung dirinya. Oleh sebab itu, selepas Sultan Mansur membacakan sabda Nabi, baginda terus bertitah:

Hei anakku, turut seperti ini, nescaya adalah engkau berkat diberi Allah Ta’ala dan berkat Nabi Sallallahu ‘alayhi wasallam.

Melalui wasiat baginda ini, ternyata bahawa kefahaman baginda tentang kepentingan konsep tawakal sangat tinggi kerana hanya orang-orang yang beriman sahaja bertawakal dan meletakkan sepenuh kepercayaan kepada Allah SWT. Hal ini menunjukkan bahawa baginda sangat memahami keterbatasan kuasa yang dimiliki oleh manusia. Manusia hanya mampu merancang untuk melakukan sesuatu pekerjaan dan berusaha bersungguh-sungguh melakukannya, namun kejayaan atau kegagalan pada akhir sesuatu pekerjaan itu merupakan milik mutlak Allah SWT, dan Dialah yang akan menentukan sesuatu menurut kehendak-Nya. Secara tidak langsung, titah baginda yang meminta Raja Radin untuk menyerahkan dirinya ke hadrat Allah SWT adalah sebagai bukti tingginya keimanan seseorang hamba itu terhadap keputusan qadak dan qadar yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Baginda seolah-olah ingin memberitahu bahawa urusan pentadbiran kerajaan adalah di bawah

kuasa pemerintah atau sultan, namun kejayaan pemerintahannya ditentukan oleh Allah SWT. Pemerintah hanya mampu berusaha melakukan yang terbaik, namun hasilnya ditentukan oleh Allah SWT yang bersifat Maha Mengetahui atas segala sesuatu.

(2) *Kullukum ra'in wa kullukum masulun min ra'iyati*

Hadis di atas telah diucapkan oleh Sultan 'Alauddin dalam wasiat baginda kepada bakal pengganti baginda, iaitu Raja Mamat yang menaiki takhta sebagai Sultan Mahmud. Baginda telah berpesan kepada Raja Mamat agar tidak menzalimi rakyat dan hendaklah sentiasa membantu mereka. Titah baginda:

Jangan anakku mengambil hak segala manusia dengan tiada sebenarnya, karena segala hamba Allah semuanya terserah kepadamu. Jikalau kesukaran baginya, hendaklah segera engkau tolong; jikalau teraniaya ia, hendaklah segera engkau periksa baik-baik supaya di akhirat jangan diberatkan Allah atasnya lehermu, karena sabda Nabi Sallallahu 'alayhi wa sallam, *kullukum ra'in wa kullukum masulun min ra'iyati*"

(Abdul Rahman, 2010:212).

Hadis ini bermaksud "setiap daripada kamu ialah pemimpin dan setiap daripada kamu akan dipertanggungjawabkan atas apa yang kamu pimpin". Sultan Alauddin menyebutkan terjemahannya, iaitu:

yakni segala kamu yang mengembala lagi akan ditanyai daripada kembelaan kamu.

Hadis yang telah diungkapkan oleh baginda sultan merupakan hadis yang sangat masyhur dan telah direkodkan oleh ramai ulama hadis. Antaranya ialah Imam al-Bukhari (*Sahih al-Bukhari*, 1999) yang telah merekodkan melalui lapan sanad yang berbeza, Imam Muslim (*Sahih Muslim*, 2000) dan Imam Abu Daud (*Sunan Abi Daud*, 1999). Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan lafaz hadis, iaitu lafaz "*min ra'iyati*" sepatutnya digantikan dengan "*'an ra'iyatihi*". Kesilapan ini merupakan kesilapan kecil yang tidak mengubah maksud hadis secara keseluruhannya. Kesilapan ini kemungkinan dilakukan oleh penyalin yang tertukar antara perkataan "min" dan perkataan "'an" dan juga tertinggal huruf "ha" di hujung perkataan "*raiyyat*". Hal ini demikian kerana dalam teks yang disunting oleh A. Samad Ahmad, lafaz yang digunakan ialah "*'an ra'iyatihi*" yang jelas sama sepertimana yang dicatatkan dalam kitab *Sahih al-Bukhari*. Walau bagaimanapun, kajian yang lebih mendalam

perlu dilakukan terhadap manuskrip asal yang bertulisan Jawi untuk memastikan ejaannya yang sebenar dan seterusnya dapat membuat kesimpulan yang lebih tepat.

Dari segi kekuatannya, hadis ini ialah hadis sahih kerana menepati keseluruhan syarat hadis sahih. Hadis ini sebahagian daripada lafaz hadis yang panjang diucapkan oleh baginda Rasulullah SAW dengan maksud: “Setiap daripada kamu ialah penjaga, dan setiap daripada kamu akan bertanggungjawab terhadap perkara di bawah jagaannya. Pemerintah penjaga kepada rakyatnya dan dia akan bertanggungjawab terhadap mereka. Dan seorang lelaki ialah penjaga kepada keluarganya dan dia bertanggungjawab terhadap mereka. Dan seorang perempuan penjaga kepada rumah suaminya dan dia bertanggungjawab terhadapnya. Dan seorang hamba abdi penjaga kepada harta tuannya dan dia bertanggungjawab terhadapnya”.

Kandungan hadis di atas berkait secara langsung dengan bidang kepimpinan. Rasulullah SAW mengingatkan umatnya tentang tanggungjawab pemimpin terhadap orang-orang di bawah jagaannya dan mereka akan disoal tentang tanggungjawab masing-masing pada hari kiamat. Tanggungjawab ini tidak boleh dielakkan, daripada sebesar-besar pemimpin bagi sesebuah negara sehinggalah sekecil-kecil pemimpin dalam rumah tangga. Tanggungjawab ini juga tidak hanya dibebankan kepada lelaki yang menjadi pemerintah, bahkan wanita dan hamba turut dianggap sebagai pemimpin berdasarkan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka. Kesemua pemimpin ini akan disoal terhadap bidang tugas yang telah dipertanggungjawabkan atas mereka (Ibn Hajar, 1998).

Pesanan ini merupakan peringatan yang sangat penting daripada seorang sultan kepada bakal pengganti baginda yang akan menaiki takhta. Peringatan ini menjadi landasan bahawa sesuatu jawatan itu ialah amanah dan mereka yang memegang amanah akan dipertanggungjawabkan dan disoal di hadapan Allah SWT pada hari kiamat nanti terhadap amanah yang diberikan kepadanya. Sesungguhnya amanah menjadi sultan bagi sesebuah kerajaan merupakan amanah yang paling berat kerana setiap individu rakyat di bawah tanggungjawabnya. Amanah ini akan ditanya oleh Allah SWT pada hari kiamat. Inilah pesanan seorang sultan kepada bakal penggantinya agar beliau bersiap sedia untuk memikul tanggungjawab yang paling berat ini.

Pesanan ini juga sangat penting disampaikan sebelum seseorang itu ditabalkan menjadi sultan, kerana selepas baginda dilantik menjadi sultan, tidak ada sesiapa lagi yang layak menegur baginda kerana kedudukannya sebagai orang paling tinggi dalam sesebuah kerajaan. Oleh itu, Sultan Alauddin telah mengambil inisiatif yang sangat baik untuk menyampaikan pesanan ini di hadapan pembesar yang lain sebagai saksi bahawa baginda telah menjalankan tanggungjawabnya untuk menasihati bakal pengganti baginda. Secara tidak langsung, nasihat ini juga ditujukan kepada semua

pembesar negara yang turut berada bersama-sama ketika itu. Tambahan pula, nasihat ini adalah sangat sesuai disampaikan oleh baginda kerana kedudukannya sebagai pemerintah tertinggi negara.

(3) *Al-'Abdu tinul murabbi*

Hadis di atas telah diucapkan oleh Sultan Alauddin dalam wasiatnya sebelum baginda mangkat. Baginda telah mengingatkan pengganti baginda dengan titah :

Adapun segala anak Melayu, jikalau bagaimana sekalipun besar dosanya, jangan segera kau bunuh, melainkan yang patut pada hukum Allah, karena segala Melayu itu ketuhanmu, seperti hadis *al-'abdu tinul murabbi*, ertinya yang hamba itu umpama tuannya.”

(Abdul Rahman, 2010:213)

Berdasarkan titah Sultan Alauddin, terjemahan hadis ini adalah tidak sama seperti yang diucapkan dalam bahasa Arab. *Al-'Abd* merujuk maksud hamba, namun perkataan *tin* membawa maksud tanah. Sementara perkataan *murabbi* pula membawa maksud pendidik atau penjaga. Sekiranya digabungkan frasa ini ia akan membawa maksud “hamba itu merupakan tanah kepada penjaganya”. Maksud hadis ini tidak selari dengan terjemahan yang diberikan oleh Sultan Alauddin dalam wasiatnya, iaitu “hamba itu umpama tuannya”.

Sekiranya dilakukan rujukan silang terhadap versi *Sulalat us-Salatin* yang diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad, ternyata bahawa kata-kata tersebut bukanlah hadis. Titah Sultan Alauddin:

Dan segala anak Melayu bagaimanapun besar dosanya, jangan olehmu *diaifidia*, dan sampai kepada hukum syarak dosanya derhaka, bunuhlah; kerana segala Melayu itu ketanahanmu, seperti kata Arab *al-'Abdu tinul maulahu*, yang hamba itu tanah tuhanmu.

(A. Samad, 2010:187)

Terdapat beberapa perbezaan penting yang dapat dikesan hasil perbandingan ini. Antaranya ialah kata-kata dalam bahasa Arab yang diungkapkan oleh Sultan Alauddin bukanlah hadis berdasarkan versi suntingan A. Samad Ahmad, malahan hanyalah kata-kata hikmah dalam bahasa Arab. Perkara ini dapat dipastikan kerana tidak terdapat dalam mana-mana rujukan sumber hadis tentang lafaz yang pernah

diungkapkan oleh Sultan Alauddin itu. Tambahan pula, terjemahan yang diberikan oleh versi suntingan A. Samad Ahmad lebih tepat, iaitu *al-'abd tinul maulahu* dengan maksud hamba itu seumpama tanah bagi tuannya.

Oleh itu, versi suntingan daripada Abdul Rahman Haji Ismail kemungkinan merupakan versi yang telah disunting oleh penyalin manuskrip yang tidak mahir dalam bahasa Arab kerana jelas berlaku perbezaan antara lafaz dalam bahasa Arab serta terjemahannya. Bahkan, kata-kata berbahasa Arab itu turut disandarkan sebagai hadis Nabi sedangkan pada hakikatnya bukanlah hadis Nabi. Kesilapan seperti ini bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana tugas penyalin manuskrip pada masa dahulu bukanlah sekadar menyalin, malah mereka turut terlibat sebagai pengarang, iaitu menyunting hasil kerja yang disalin (Muhammad, 1997b:206). Penyalin yang turut dianggap penyunting apabila melakukan suntingan terhadap teks yang disalinnya sekiranya beliau berasa perlu melakukannya atas sebab suasana semasa ataupun untuk memperbaiki kekurangan yang wujud pada teks tersebut berdasarkan pengetahuan dan cita rasanya sendiri. Oleh itu, terdapat kemungkinan bahawa penyalin suntingan versi Abdul Rahman Haji Ismail telah melakukan perubahan terhadap beberapa frasa sehingga membawa perubahan kepada maknanya. Walau bagaimanapun, perkara ini memerlukan kajian yang lebih mendalam terhadap versi-versi manuskrip asal *Sulalat us-Salatin*.

(4) *Al-Khamru ummul khabais*

Hadis ini telah diucapkan oleh Makhdum Sadar Jahan, salah seorang ulama yang datang ke Melaka semasa pemerintahan Sultan Mahmud. Menurut *Sulalat us-Salatin*:

Maka dilihat oleh Makhdum Sadar Jahan akan Seri Rama mabuk dan mulutnya pun bau arak, maka kata Makhdum, “al-khamru ummul khabaais”, ertinya yang arak itu ibu segala najis.

(Abdul Rahman, 2010:248).

Hadis ini merupakan lafaz permulaan kepada sebuah hadis yang panjang seperti yang telah diriwayatkan oleh banyak sumber hadis seperti *Sunan al-Nasai*, *Mu'jam al-Kabir* oleh al-Tabrani dan *Shu'ab al-Iman* oleh al-Baihaqi. Kebanyakan hadis tersebut dimulakan dengan makna yang hampir sama. Namun, terdapat lafaz hadis yang benar-benar sama seperti yang diungkapkan oleh Makhdum Sadar Jahan, iaitu hadis yang telah diriwayatkan dalam *Sunan al-Daruqutni*. Beliau mencatatkan hadis ini dengan maksud:

Arak ialah ibu kepada segala kejahatan. Dan barang siapa yang meminumnya, Allah tidak akan menerima sembahyangnya selama empat puluh hari. Dan sekiranya dia mati sedangkan arak itu masih berada dalam perutnya, dia akan mati sepertimana mereka yang mati dalam keadaan jahiliah.

(Al-Daruqutni, 2001).

Al-Albani bersetuju bahawa hadis ini merupakan hadis yang berstatus sahih (al-Albani, 2004). Meskipun perkataan “al-khabais” telah diterjemahkan sebagai najis oleh Makhdum Sadar Jahan, namun sebenarnya kata ini membawa maksud bahawa arak ialah ibu bagi segala bentuk kemungkaran. Menurut kamus *Lisan al-‘Arab*, *al-Khabais* berasal daripada kata dasar *kha ba tha* yang membawa maksud kejahatan atau keburukan, iaitu lawan kepada kebaikan (Ibn Manzur, 1990). Takrifannya termasuklah keburukan yang merujuk sumber rezeki, anak-anak ataupun manusia secara umumnya. Oleh itu, terjemahan yang lebih tepat bagi *al-khabais* ialah kejahatan ataupun kemungkaran, kerana sememangnya seseorang yang sudah mabuk dengan minuman arak tidak boleh berfikir secara rasional dan seterusnya memudahkan syaitan menghasutnya untuk melakukan pelbagai bentuk kemungkaran yang lain seperti berzina, membunuh, dan sebagainya.

Hadis ini diucapkan oleh Makhdum Sadar Jahan sebagai peringatan kepada Seri Rama tentang bahaya arak dan kesannya kepada peminumnya. Pengharaman arak kepada orang-orang Islam adalah jelas berdasarkan ayat al-Quran *Surah al-Maidah*, ayat 90 yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah semata-mata kotor (keji) daripada perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

(Abdullah, 1998)

Dalam ayat ini, perintah Allah SWT untuk menjauhi minuman arak menjadi asas terhadap hukum haram meminum arak bagi orang-orang Islam.

Dalam kisah di atas, Makhdum Sadar Jahan merupakan salah seorang ulama yang datang ke Melaka dari Parsi atau India berdasarkan namanya. Ketika beliau berada di istana sultan Melaka, sambil mengajar Bendahara Seri Maharaja mengaji dan berbincang hal keilmuan Islam, mereka telah didatangi oleh Seri Rama yang turut mahu mengaji tetapi dalam keadaan mabuk dan mulutnya berbau arak. Makhdum

Sadar Jahan telah menegur perlakuan Seri Rama yang meminum arak itu. Kedudukan Makhдум Sadar Jahan sebagai seorang ulama telah membenarkan beliau untuk masuk dan berada di istana Melaka dan teguran beliau juga menunjukkan bahawa terdapat pembesar di istana Melaka pada masa itu turut terlibat dengan masalah minum arak. Yang lebih menarik, masalah minum arak ini tidak pernah timbul semasa permulaan kewujudan empayar Islam di Melaka, namun mula dikesan pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud. Zaman baginda merupakan permulaan kepada zaman kemerosotan empayar Melaka. Maka, tujuan pengarang memasukkan teguran Makhдум Sadar Jahan ini adalah untuk menunjukkan kerosakan moral pembesar istana ini telah berlaku dan seterusnya merebak kepada pelbagai bentuk salah guna kuasa, rasuah dan kezaliman sehingga akhirnya empayar Melaka jatuh di tangan Portugis pada tahun 1511.

KESIMPULAN

Berdasarkan keempat-empat hadis tersebut, hanya tiga hadis sahaja yang dapat dikesan sumbernya yang datang daripada Nabi Muhammad SAW. Namun demikian, hanya dua hadis sahaja yang mencapai taraf hadis sahih, iaitu hadis yang berkaitan dengan kepimpinan yang diungkapkan oleh Sultan ‘Alauddin dan juga hadis yang berkaitan dengan pengharaman arak yang diucapkan oleh Makhдум Sadar Jahan. Hadis yang diungkapkan oleh Sultan Mansur Syah pula ialah hadis yang bertaraf lemah ataupun daif, iaitu hadis yang berkaitan dengan konsep tawakal. Sementara itu, hadis yang diucapkan oleh Sultan ‘Alauddin tentang hubungan antara hamba dengan tuannya, bukanlah hadis, tetapi hanyalah kata-kata hikmah dalam bahasa Arab.

Kandungan hadis tersebut secara umumnya mengaitkan hubungan antara hamba dengan Tuhannya serta hubungan antara pemerintah dengan rakyatnya. Konsep tawakal kepada Allah SWT telah ditekankan, begitu juga dengan konsep tanggungjawab pemerintah terhadap rakyat. Pembesar juga diingatkan agar tidak melanggar perintah Allah SWT dengan melakukan perkara yang diharamkan dalam Islam. Secara tidak langsung, hal ini menunjukkan bahawa seluruh lapisan rakyat di Melaka terutamanya para pembesar di istana sentiasa diberikan peringatan berdasarkan sumber al-Quran dan hadis yang sahih. Konteks penggunaan hadis tersebut adalah bertepatan dengan suasana yang berlaku pada masa itu.

Perbezaan teks hadis yang terdapat dalam manuskrip yang telah ditranskripsikan oleh Abdul Rahman Haji Ismail dan A. Samad Ahmad telah membantu untuk memberikan petunjuk kepada beberapa kajian lanjutan yang dapat dijalankan pada

masa akan datang. Antaranya termasuklah teks hadis berkaitan tanggungjawab pemimpin yang dicatatkan dalam transkripsi A. Samad Ahmad yang lebih menepati teks hadis seperti yang tercatat dalam *Sahih al-Bukhari*. Begitu juga dalam menerangkan hadis yang sebenarnya ialah kata-kata hikmah dalam bahasa Arab, transkripsi versi A. Samad Ahmad lebih menepati terjemahan daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu. Transkripsi versi A. Samad Ahmad telah merujuk manuskrip tulisan tangan milik Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kod DBP MSS 86A, DBP MSS 86 dan DBP MSS 86B berbanding Abdul Rahman Haji Ismail yang merujuk manuskrip MS. Raffles No. 18. Namun begitu, kajian perbandingan yang lebih mendalam terhadap teks asal pelbagai versi manuskrip *Sulalat us-Salatin* perlulah dilakukan bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh serta membuat kesimpulan yang lebih kukuh berkaitan penulisan teks hadis dan ayat al-Quran dalam manuskrip klasik. Begitu juga dalam kajian perbandingan terhadap hadis dan wasiat sultan yang terdapat dalam teks *Sulalat us-Salatin* dan *Hikayat Raja Pasai*. Diharapkan perkara ini dapat menarik minat pengkaji dan membuka lebih banyak kajian pada masa akan datang terhadap manuskrip ini.

Manuskrip *Sulalat us-Salatin* ini dengan jelas memaparkan kesan kemasukan Islam ke alam Melayu. Kedatangan Islam bukanlah sekadar mengubah wajah fizikal tamadun Melaka, tetapi yang lebih penting, turut memberikan kesan dalam pembentukan identiti, budaya dan sistem kepercayaan masyarakat Melayu. Ternyata bahawa hadis sahih telah pun tersebar secara meluas dalam tamadun Islam Melaka dan alam Melayu secara umumnya dan telah menjadi asas kepada nasihat dan teguran yang disampaikan secara halus kepada pembaca manuskrip ini.

RUJUKAN

- A. Samad Ahmad, 2010a. *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 A. Samad Ahmad, 2010b. *Epilog. Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 Abdullah bin Muhammad Basmeh, 1998. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
 Abdul Rahman Haji Ismail, 2010a. *Sejarah Melayu*. Selangor: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
 Abdul Rahman Haji Ismail, 2010b. *Sulalat Us-Salatin Naskhah Raja Bungsu-Beberapa Persoalan. Sejarah Melayu*. Selangor: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
 Abdur Rahman Mohamed Amin, Mohd Ridhuan Tony Lim Abdullah, Raja Ahmad Iskandar Raja Yaacob, 2011. *The Malay World: An Analysis of Quranic Verses in Sulalat al-*

- Salatin*” dlm. 2011 International Conference on Social Sciences and Society, 1, hlm. 318-23.
- Abu Daud, 1999. *Sunan Abi Dawud*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Al-Albani, Muhammad Nasiruddin, 1989. *Da'if al-Jami' al-Saghir wa Ziyadatuh*. Beirut: Al-Maktab al-Islami.
- Al-Albani, Muhammad Nasiruddin, 2004. *Silsilah al-Ahadith al-Sahihah*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Baihaqi, Abu Bakar Ahmad bin Husain bin 'Ali, 1990. *Shu'ab al-Iman*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il, 1999. *Sahih al-Bukhari*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Al-Daruqutni, 'Ali bin 'Umar, 2001. *Sunan al-Daruqutni*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Nasa'i, Abu Abdul Rahman Ahmad bin Shu'ayb, 1994. *Sunan al-Nasa'i*. Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah.
- Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad, 1993. *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Suyuti, Jalaluddin 'Abdul Rahman bin Abu Bakr, 1417H. *Tadrib al-Rawi fi Sharh Taqrib al-Nawawi*. Abu Qutaibah Nazr Muhammad al-Farayabi (ed.). Beirut: Dar al-Kalim al-Tayyib.
- Al-Tabrani, Sulaiman bin Ahmad, 1984. *Al-Mu'jam al-Kabir*. Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah.
- Al-Zahabi, Muhammad bin Ahmad, 1995. *Mizan al-I'tidal fi Naqd al-Rijal*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Arockiamary Savarimuthu, 1992. *Ayat Majmuk dalam Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Blagden, C.O. , “An Unpublished Variant Version of the ‘Malay Annals’” dlm. *JMBRAS* 3:1. hlm. 10-52, 1925.
- Braginsky, V. I., 1993. *The System of Classical Malay Literature*. Leiden: KITLV Pres.
- Brown, C.C. (ed.), 1970. *Sejarah Melayu or Malay Annals*. Oxford University Press.
- Chambert-Loir, Henri “The Sulalat Al-Salatin asa Political Myth” dlm. *Indonesia* 79, 131-60, 2005.
- Cheah Boon Kheng, 2010. *Sejarah Melayu. Selangor: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*.
- Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999.
- Hussain Othman, “Conceptual Understanding of Myths and Legends in Malay History” dlm. *Sari* 26, hlm. 91-110, 2008.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali, 1998. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Ibn Kathir, Muhammad bin 'Amru, 2001. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Riyad: Maktabah al-Rushd.
- Ibn Majah, Muhammad bin Yazid al-Qazwayni, 1998. *Sunan Ibn Majah*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukram, 1990. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.

- Keong Seock Kang, 1995. *Gaya Bahasa Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kratz, Ernst Ulrich, "Yang Tersurat dan Yang Tersirat. Historicity and Historical Truth" dlm. *Archipel* 60:4. hlm. 25-44, 2000.
- Linehan, W. , "Notes on the text of the Malay Annals" dlm. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 20:2, 107-16, 1947.
- M. Rajantheran, 1999. *Sejarah Melayu: Kesan Hubungan Kebudayaan Melayu dan India*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayuddin Haji Yahaya, 2001. *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, 1997. *Usul al-Hadith: 'Ulumuh wa Mustalahuh*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad Haji Salleh, 1997a. *Sulalatus al-Salatin*. Kuala Lumpur: Yayasan Karya Agung.
- Muhammad Haji Salleh, 1997b. "Memperbaharui Pengarang" dlm. *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, hlm. 183-210.
- Muhammad Yusoff Hashim, 1992. *The Malay Sultanate of Malacca*. Diterjemah oleh D. J. Muzaffar Tate. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Yusoff Hashim, 1998. *Hikayat Melayu atau Sulalat us-Salatin*. Melaka: IKSEP.
- Muslim bin al-Hajjaj al-Nisaburi, 2000. *Sahih Muslim*. Lubnan: Dar Ihya` al-Turath al-'Arabi.
- Nor Hashimah Jalaluddin dan Rozaimah Rashidin, "Rasuah dalam Karya Melayu Klasik: Satu Analisis Semantik Kognitif" dlm. *E-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities* 3:1, hlm. 32, 2008.
- Revunenkov, E, "Sulalat-Us-Salatin: The Krusenstern Manuscript" dlm. *Manuscripta Orientalia* 12:2, hlm. 58-64, 2006. St. Petersburg: Russian Asiatic Society.
- Roolvink, R., "The Variant Versions of the Malay Annals" dlm. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 123:3, 301-24, 1967.
- Roolvink, R., 1981. *Sejarah Melayu: Masalah Versi-versi Yang Lain*. *Sejarah Melayu*. Selangor: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. 21-35.
- Shellabear, W.G. (ed.), 1977. *Sejarah Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Situmorang T. D. dan A. Teeuw, 1952. *Sedjarah Melayu (menurut terbitan Abdullah)*. Jakarta: Penerbitan Djambatan.
- V. Thilagavathi Gunalan, "Genesis Autograf Sejarah Melayu" dlm. *Jebat* 26, 101-19, 1999.
- Winstedt, R.O. , "The Date, Author and Identity of the Original Draft of the *Malay Annals*," dlm. *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society* 16:3, hlm. 27-34, 1938.
- Wahbah al-Zuhaili, 1989. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr.